

E-rokok lebih bahaya

Oleh FIRDAUS SAHAT dan MOHD HAFIZEE MOHD AROP metahad@mediaprima.com.my Kuala Lumpur

Penggunaan rokok elektronik atau e-rokok yang semakin menjadi trend dalam kalangan perokok tegar sebagai kaedah menghilangkan keagihan merokok selain menarik minat remaja untuk kelihatan macho dan bergaya, mungkin akan turut difatwakan haram di sisi Islam.

Ini kerana kesan penggunaan e-rokok dikatakan lebih berbahaya berbanding rokok biasa dan shisha yang difatwakan haram di beberapa negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin berkata, pada dasarnya apa saja kegiatan yang boleh menjejaskan kesihatan, ekonomi dan alam sekitar berpunca daripada tindakan manusia tidak dibenarkan dalam Islam dan ia boleh diklasifikasikan sebagai haram.

“Apa saja yang diketahui dapat memabukkan, me-



ANTARA alatan yang digunakan untuk e-rokok.



mudaratkan diri dan kesihatan adalah haram dan ditegah dalam Islam. Kita boleh berfikir akan kebaikan sesuatu perkara itu sama ada ia baik atau tidak,” katanya ketika dihubungi Metro Ahad.

Bagaimanapun, beliau berkata, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan secara rasmi belum memutuskan fatwa mengenai e-rokok dan kini bekerjasama dengan Ke-

menterian Kesihatan untuk mengkaji lebih lanjut implikasi alat itu.

Katanya, pihaknya tidak mahu terburu-buru memutuskan e-rokok sebagai haram sebelum semua kajian dari segi kesan terhadap manusia serta alam sekitar dilakukan.

“Apabila siap nanti, kajian itu akan menjadi landasan konkrit mengenai hukum menghisap e-rokok untuk

dijadikan panduan umat Islam. Kajian sudah bermula dan menunggu masa untuk disiapkan.

“Kami belum ada keputusan dari segi hukum mengenai kegiatan menghisap e-rokok. Biar kami merumuskan hasil daripada kajian itu terlebih dulu,” katanya.

Baru-baru ini, Majlis Fatwa Negeri Perlis memutuskan penjualan serta penggunaan shisha yang popular dalam kalangan segelintir masyarakat Islam di negara ini adalah haram.

Berikutan itu, timbul persoalan adakah e-rokok yang semakin popular dalam kalangan perokok haram dari segi agama kerana turut membahayakan kesihatan.

Selain menurus kepada haram, sebelum ini muka depan Metro Ahad melaporkan, golongan penagih dadah jenis syabu dikesan menjadikan rokok elektronik yang popular dalam kalangan pe-



“ Kami belum ada keputusan dari segi hukum mengenai kegiatan menghisap e-rokok. Biar kami merumuskan hasil daripada kajian itu terlebih dulu”

Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin

rokok dan boleh dibeli dengan mudah di pasaran sebagai ‘peranti magik’ untuk menghisap dadah berkenaan berbanding cara lama.

Jika dulu penagih dadah memerlukan satu alat seperti tabung uji atau menggunakan foil aluminium selain bilik tertutup yang tidak terdedah kepada angin untuk membakar dan menghisap dadah, kini ia lebih mudah dengan rokok elektronik.

Rokok elektronik yang menggunakan cecair bagi menghasilkan wap dan asap menyerupai rokok biasa itu lazimnya digunakan perokok tegar sebagai alternatif untuk menghentikan tabiat buruk yang membahayakan kesihatan.



CECAIR yang digunakan dalam e-rokok dikatakan ejen penyebab kanser.